



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENDENGARAN PERMOHONAN UNTUK MENERIMA MASUK DAN
MENDAFTARAIIKAN PEMPETISYEN SEBAGAI PEGUAMBELA DAN
PEGUAMCARA DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA (LONG CALL) SECARA SIDANG
VIDEO SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa komited dalam memastikan akses kepada keadilan disampaikan kepada semua lapisan masyarakat. Beberapa pendekatan telah dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan akses kepada keadilan (*continuing access to justice*) dapat dilaksanakan. Bermula Mac 2020, pendengaran dan perbicaraan kes secara sidang video adalah antara norma baharu ke arah pendigitalan teknologi yang dilaksanakan oleh Badan Kehakiman Malaysia sejajar dengan keperluan semasa dan kepentingan pemegang-pemegang taruh.

Sehubungan itu, Badan Kehakiman Malaysia mengorak langkah lagi dengan memperkenalkan Pendengaran Permohonan untuk Menerima Masuk dan Mendaftaraikan Pempetisyen sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya (*Long Call*) Secara Sidang Video semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sebagai perintis, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Shah Alam akan memulakan pendengaran Permohonan tersebut secara dalam talian pada 2 Disember 2020.

Sebagai langkah ke arah itu, Badan Kehakiman Malaysia akan mengadakan sesi perbincangan bersama pemegang-pemegang taruh bagi mendapatkan maklum balas dalam persediaan bagi pendengaran permohonan tersebut dan seterusnya mengeluarkan Garis Panduan.

Badan Kehakiman Malaysia berharap inisiatif ini dapat memastikan Pendengaran Permohonan untuk Menerima Masuk dan Mendaftaraikan Pempetisyen sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya (*Long Call*) dapat didengar pada kadar yang segera walaupun dalam situasi pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan pada masa ini. Badan Kehakiman Malaysia percaya penggunaan teknologi secara optimum seperti ini adalah salah satu cara terbaik bagi memastikan pentadbiran keadilan dapat diberikan kepada semua lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 19 November 2020